

PERJUANGAN GOLONGAN INTELEKTUAL



Intelektual Berpendidikan Agama

1

- Kaum Muda menyalurkan idea melalui gerakan Islah yang menjadikan agama Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat.
- Madrasah al-Attas (Johor), Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah (Kedah) dan Maahad al-Ehya Assharif (Perak) ditubuhkan untuk menyebarkan fahaman Islah.
- Golongan wanita diberi peluang belajar di madrasah dan pelajarnya membawa kemajuan dari aspek sikap serta pentaksiran terhadap Islam.
- Idea mereka disalurkan dalam akhbar seperti Al-Imam, Al-Ikhwan, Neracha dan Tunas Melayu.



2

Intelektual Berpendidikan Inggeris

- Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ditubuhkan pada tahun 1905 telah melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris.
- MCKK melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran kerajaan British.
- Lulusan MCKK seperti Raja Chulan Raja Abdullah, Mahmud Mat, Mohammad Eunos Abdullah dan Raja Uda Raja Muhammad.
- Mereka menjadi pegawai kerajaan menuntut British memperbaiki taraf hidup orang Melayu dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan.
- Idea dan tuntutan dibuat dengan cara terbaik-baik dengan British dan menggunakan akhbar seperti Warta Malaya, Lembah Malaya dan Utusan Melayu.

Intelektual Berpendidikan Melayu

- Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) ditubuhkan pada tahun 1922.
- Guru SITC seperti O.T. Dussek, Abdul Hadi Hassan, Abdul Hadi Abdul Manan dan Harun Aminurrashid telah meniupkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan pelajar sehingga melahirkan golongan penulis dan nasionalis.
- Pejabat Karang Mengarang dengan Ketua Penterjemah, Za'ba berjaya menghasilkan buku berkualiti dan melahirkan nasionalis seperti Buyong Adil dan Abdul Hadi Hassan.
- Bahan bacaan dari Timur Tengah dan Indonesia, kurikulum yang mengutamakan Sejarah dan pendedahan keagungan empayar Melayu di Alam Melayu membangkitkan kesedaran kepada pelajar SITC.
- Mata pelajaran Anyaman dan Kesihatan serta Sukan penting dalam kurikulum di SITC.
- Pada tahun 1929, lahir Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo yang akhirnya membentuk persatuan radikal, iaitu Kesatuan Melayu Muda.



3